



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: KOSMO		
TARIKH	: 9/1/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	: JPS / ROL		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Projek Sungai Nadi Kehidupan KL tersenarai 10 terbaik di dunia

KUALA LUMPUR - Projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) disenaraikan dalam 10 daerah pesisir sungai yang terbaik di dunia oleh *Independent*, sebuah portal berita dalam talian United Kingdom.

"Sebahagian besar pusat bandar raya ini (Kuala Lumpur) terletak di tebing Sungai


Klang yang menjadi tumpuan projek Sungai Nadi Kehidupan, sebuah projek regenerasi yang digambarkan sebagai salah satu projek pemuliharaan sungai bandar yang paling mahal yang pernah dijalankan.

"Tetapi berbaloi kerana ada kafe di tepi sungai, air pancut berteknologi tinggi, laluan basi-

kal dan pertunjukan penerhayan malam yang menarik air menjadi kebiru-biruan yang menakutkan," kata portal tersebut. Projek ROL bernilai RM4.4 bilion itu dilancarkan pada tahun 2011 oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

dengan tujuan menghidupkan semula Sungai Klang dan Sungai Gombak. Kawasan pesisir air lain yang berada dalam senarai itu ialah anak sungai Shibusya di Jepun, Holzmarkt (Jerman), laluan

sungai Tampa dan Daerah Seaport (Amerika Syarikat), Elizabeth Quay (Australia), Clarke Quay (Singapura), Charoen Krung (Thailand), Sugar Beach (Kanada) dan Victoria Dockside (Hong Kong). - Bernama



PROJEK Sungai Nadi Kehidupan berjaya mengubah landskap Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai pusat tumpuan pelancong.